

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR  
[ KULIM BANDAR BARU ]**

**SOALAN : 217**

**Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baru ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a) secara lengkap mengenai jumlah tangkapan, jenis jawatan, serta bentuk tindakan dan hukuman mengenai terhadap pelaku jenayah rasuah yang dikenalpasti oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Berapakah peruntukan oleh SPRM bagi urusan penyiasatan memandangkan banyak kes yang dikenalpasti sejak kebalakangan ini yang memberi impak buruk kepada negara, dan
- (b) kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah 2015 dunia menurun sebanyak empat mata kepada 54, berbanding 50 pada 2014 dan kedudukan ini adalah semakin buruk. Kedudukan ini meletakkan Malaysia di belakang negara membangun seperti Bhutan (27), Bostwana (928), Jordan (45), Namibia (45) dan Rwanda (44). Apakah langkah Kerajaan dalam memperbaiki isu rasuah ini sama ada dalam kalangan penjawat awam, ahli politik maupun swasta.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

**Jawapan (a)**

Untuk makluman Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, dari tahun 2013 hingga 2016, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah menahan seramai 2,838 individu yang disyaki terlibat dengan kes rasuah. Daripada jumlah tersebut, 1,258 individu adalah terdiri daripada kakitangan awam. Dari segi jenis jawatan pula, 18 orang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 291 orang dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 949 terdiri daripada Kumpulan Sokongan.

Sekiranya mereka dituduh di mahkamah dan disabitkan kesalahan, mereka boleh dikenakan hukuman seperti berikut :

- 1) Sabitan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 diperuntukkan hukuman penjara tidak melebih 20 tahun dan denda tidak kurang daripada 5 kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi;
- 2) Sabitan kesalahan dibawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, diperuntukkan hukuman penjara maksimum 5 tahun atau denda tidak melebihi RM5 juta atau kedua-duanya sekali.

Dalam tempoh 2013 hingga 2017, SPRM telah diperuntukkan bajet seperti berikut:

1. 2013 - RM 7,786,913.00;
2. 2014 - RM8,108,689.00;
3. 2015 - RM11,506,859.00;
4. 2016 - RM 10,218,830.00; dan
5. 2017 - RM 5,455,300.00.

**Jawapan (b)**

Untuk makluman Yang Berhormat, SPRM mensasarkan usaha membendung jenayah rasuah kepada semua pihak tidak kira samada penjawat awam, ahli politik mahupun swasta. SPRM melaksanakan aktiviti pencegahan rasuah melalui strategi serampang tiga mata iaitu penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan sebagaimana fungsi yang diperuntukkan dalam Akta SPRM 2009.

Tindakan penguatkuasaan SPRM tidak membezakan mana-mana pihak kerana setiap kes disiasat secara adil, bebas, telus dan profesional. Di bawah strategi pencegahan, SPRM membantu mana-mana organisasi mengenalpasti risiko rasuah dan memberi khidmat nasihat tentang bagaimana untuk menutup ruang dan peluang rasuah itu. Melalui strategi pendidikan pula, pelbagai inisiatif dilaksanakan selaras persekitaran semasa untuk mendidik masyarakat seluruhnya agar menentang rasuah, selain mendapatkan / memelihara sokongan mereka terhadap usaha memerangi rasuah.

Penubuhan Unit Integriti (UI) di dalam semua sektor awam termasuk di Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Badan-Badan Berkanun adalah mekanisme yang mengukuhkan sistem kawalan

dalamannya khususnya dalam pengendalian sistem pentadbiran dan isu integriti di dalam sesebuah organisasi termasuk mengambil tindakan susulan dan membuat laporan kepada agensi SPRM.

Kerangka kerjasama juga diwujudkan antara pelbagai agensi untuk mewujudkan kesepakatan dan saling mengukuhkan tindakan di kalangan agensi. Contoh terbaru adalah, rangkaian Kerjasama Strategik di antara SPRM, Bank Negara Malaysia (BNM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) dalam usaha menyeluruh untuk membendung dan memperkuatkuarkan tindakan penguatkuasaan undang-undang terhadap jenayah rasuah, penyalahgunaan kuasa dan pengelakkan sistem percukaian negara. Melalui Kerjasama Strategik ini, mana-mana individu yang terlibat dengan jenayah rasuah dan salah guna kuasa bukan sahaja akan diambil tindakan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613), tetapi juga akan turut diambil tindakan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53].

Untuk sektor swasta dan korporat, Kerajaan telah melaksanakan inisiatif *Corporate Integrity Pledge* (CIP) yang menggalakkan sektor swasta dan korporat untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif pencegahan rasuah di organisasi mereka yang masih diteruskan di bawah pengawasan *Corporate Integrity System Malaysia* (CiSM).

Di masa akan datang, Kerajaan juga berhasrat untuk melaksanakan undang-undang liabiliti korporat (*Corporate Liability Law*) bagi membendung rasuah di sektor swasta dan korporat.

Bagi menangani persepsi rasuah di sektor politik pula, inisiatif penting yang sedang dilaksanakan adalah menambah baik rangka kerja pembiayaan politik yang kini sedang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP).

Sekian, terima kasih.